

Headline	PATI kantoi curi elektrik		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	23 Oct 2016	Language	Malay
Circulation	179,231	Readership	537,693
Section	Setempat	Page No	16
ArticleSize	83 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 5,724		



PATI kantoi curi elektrik

Ketiadaan meter elektrik di sebuah rumah yang mempunyai bekalan elektrik Kampung Mangkalinau Batu 3, di sini, membongkar rahsia penghuninya yang juga pendatang tanpa izin (PATI) membuat sambungan haram bagi mencuri kemudahan itu, sejak setahun lalu.

Lelaki berusia 50-an itu, antara tiga individu yang ditahan operasi bersepadu membabitkan 132 kakitangan pelbagai agensi termasuk pihak berkuasa Kawasan Keselamatan Pantai Timur Sabah (ESSCOM) di kampung berkenaan, mulai jam 4 pagi semalam.

Selain warga asing itu, dua lagi yang ditahan kerana disyaki melakukan kesalahan sama adalah wanita tempatan berusia 40 dan 60 tahun.

Menurut sumber, semasa serbuan dijalankan, anggota penguatkuasa tidak menemui meter elektrik di rumah berkenaan.

“Pegawai Suruhanjaya Tenaga (ST) kemudiannya menjalankan pemeriksaan dan mendapati kipas dalam rumah suspek berputar dengan kuat dan lampu rumahnya menyala.

“Pemeriksaan lanjut kemudian membawa kepada penemuan kabel yang ditanam di dalam tanah dari rumah itu terus ke talian elektrik berhampiran,” katanya di sini, semalam.

Sementara itu, Pengarah Suruhanjaya Tenaga Malaysia (ST) Wilayah Pantai Timur Sabah, Mohd Yusrul Yusof berkata, pihaknya menemui tiga kabel sambungan haram ke talian elektrik berhampiran, dalam operasi itu.